



Skim Cepat Kaya scam (BM)

- Eh, Kak Kiah. Lama tak jumpa Kak Kiah. Oo Kak Kiah barang kemas, banyak ni.
- Ada la sikit-sikit.
- Haa Kak Kiah tahu tak Kak Kiah boleh gandakan simpanan untuk hari tua nanti?
- Macam mana tu?
- Kak Kiah cuma melabur serendah RM800 sahaja untuk enam bulan, tapi mendapat 30 peratus pulangan.
- Mat, mana ada orang senang-senang nak bagi duit macam tu ajee.
- Tak lah Kak Kiah, yang ni bukan menipu. Mematuhi prinsip syariah lagi. Bos saya, handsome, bergaya dan juga memandu kereta yang besar. Semua orang tahu tentang pelaburan emas ini. Masuk surat khabar lagi. Pelaburan ini, diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dan juga institusi kewangan negara lain.
- Mat, Kak Kiah ni dulu pun macam kau. Melabur jugak dapat untung banyak. Tiba-tiba syarikat tu tutup. Siasat dulu.
- Tak mungkin Kak Kiah. Jap, saya call bos saya.
- “Nombor yang anda dail, tiada dalam perkhidmatan.”
- Tak mungkin !!!